

Pelajar Malaysia di luar negara boleh layari **UMNO-online**

UM 17 JUN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jun — UMNO yakin penuntut-penuntut Malaysia di luar negara akan memperoleh maklumat yang tepat berkaitan isu semasa di negara ini melalui laman interaktif **UMNO-online** yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Khamis ini.

Pengerusi Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Pelajar Luar Negara UMNO, Datuk Shafie Apdal berkata, laman web itu akan menyediakan maklumat terkini berkaitan semua isu yang berlaku di negara ini untuk rujukan pelajar-pelajar terbabit.

Selain itu, katanya, para pelajar itu juga boleh mendapatkan maklumat-maklumat yang dapat membantu mereka untuk menyalurkan sebarang masalah berkaitan pembelajaran di luar negara.

“Kita juga berusaha menyediakan laman interaktif ini untuk para pelajar kita di luar negara berinteraksi secara langsung antara satu sama lain supaya mereka mendapat maklumat yang tepat tanpa merujuk kepada sumber lain yang cuba mengelirukan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* sewaktu meninjau persediaan terakhir sudut pameran laman web itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini, sempena Perhimpunan Agung UMNO ke-57, yang akan bermula esok.

Laman web interaktif itu boleh diakses di alamat www.umno-online.com yang dibangunkan oleh syarikat Interactive Channels Sdn. Bhd.

Shafie berkata, sempena pelancaran itu, satu slot telenersidaan melalui Internet akan diadakan bagi pelajar-pelajar Malaysia di luar negara berdialog terus dengan Dr. Mahathir.

“Selepas pelancaran laman web itu, Presiden UMNO akan berdialog dengan para pelajar di negara-negara termasuk Mesir, United Kingdom dan Australia,” ujarnya.